

# Penjual pisang goreng untung RM1,500 sebulan

GUAR CHEMPEDAK 2 Dis. -- Penjual pisang goreng di Langkawi kini boleh mendapat keuntungan hingga RM1,500 sebulan hasil pembangunan pesat pulau pelancongan itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, keuntungan itu adalah hasil jualan pisang awak goreng sahaja dan bukan pisang jenis baik seperti pisang berangan atau pisang raja.

"Kalau ada 30,000 sahaja (penduduk Langkawi) siapa nak beli tetapi kalau ada 1.5 juta pelancong tentulah ada yang nak makan pisang goreng.

"Orang putih bila kena pisang goreng dia tak boleh jalan dah, dia naik syok satu macam," katanya yang disambut dengan gelak ketawa para hadirin di majlis pelancaran Pengisian

Wawasan di Pusat Khidmat Peladang MADA di sini petang ini.

Menurut Perdana Menteri lagi, buah cempedak goreng yang dijual di tepi pantai Langkawi juga diminati pelancong asing.

Kemakmuran ini, kata Perdana Menteri, adalah hasil pembangunan Langkawi sebagai pusat pelancongan yang memberi manfaat secara langsung kepada penduduk Langkawi.

Beliau juga berkata, penjual "mi gulung" di Langkawi juga boleh mendapat RM100 sehari.

Selain itu kuih karas dan peneram yang dulunya tidak mendapat pasaran, kini katanya "tak dan (sempat) nak kering minyak orang dah beli dah."

Menurut Perdana Menteri, kedua-dua kuih tradisonal itu dulu dijual di Pekan Rabu di Alur Setar sahaja tetapi sekarang begitu laris di kalangan pelancong.